

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	18 APRIL 2016

# Lebuhraya Pan Borneo manifestasi pembangunan

» **Projek bawa  
impak besar  
terhadap  
sosioekonomi  
rakyat: PM**

Oleh **Hardi Effendi Yaacob  
dan Harun Yahya**  
bhnews@bh.com.my

► **Sibu**

**D**atuk Seri Najib Razak menyifatkan Projek Lebuhraya Pan Borneo sebagai satu manifestasi pembangunan dan sosioekonomi yang membawa impak besar kepada rakyat, terutama di Sarawak dan Sabah.

Perdana Menteri berkata, pelaksanaan projek infrastruktur mega itu turut membuktikan keupayaan Barisan Nasional (BN) membawa pembangunan kepada rakyat yang belum tentu dilaksanakan pembangkang andainya mereka menguasai kerajaan.

“Jika anda masih ingat, Projek Lebuhraya Pan Borneo antara perkara kita (BN) janjikan dalam aku janji dan manifesto Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU13). Bila kita buat janji, sebaik mungkin kita tunaikan walaupun berdepan pelbagai kekangan kerana kita mempunyai keupayaan itu.

“Kita tidak seperti pembangkang.... membina jalan cuma

100 ela tetapi riuhnya sekampung. Di Sarawak sahaja, kita membina lebuhraya menjangkau jarak lebih 1,100 kilometer dari Telok Melano ke Lawas. Kita berbangga dapat menunaikan hasrat mereka yang selama berpuluh tahun mengimpikan sebuah lebuhraya moden dan cekap seperti di Semenanjung,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Fasa Keempat Projek Lebuhraya Pan Borneo-Jajaran Simpang Bintangor ke Jambatan Sungai Kua sepanjang 76.2 kilomefer, di sini semalam.

Yang turut hadir, Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Adenan Satem; Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Fadillah Yusof serta Menteri Pembangunan Infrastruktur dan Perhubungan Sarawak, Datuk Seri Michael Manin Jawong.

Najib berkata empat fasa pembinaan projek lebuhraya itu sudah dimulakan di Sarawak sejak ia dilancarkan 12 bulan lalu, manakala kerja pembinaan di Sabah dijangka dimulakan dalam tempoh terdekat.

## 8 pakej akan dilancarkan

Katanya, perkembangan itu jelas membuktikan Projek Lebuhraya Pan Borneo adalah satu kenyataan dan bukan sekadar angan-angan seperti sering dinyatakan pembangkang dalam kempen propaganda mereka, ‘Impian Sarawak’.

“Ada lapan pakej Projek Lebuhraya Pan Borneo akan di-

**“**  
*Jika anda masih ingat,  
Projek Lebuhraya Pan  
Borneo antara perkara  
kita (BN) janjikan  
dalam aku janji dari  
manifesto Pilihan Raya  
Umum Ke-13 (PRU13).  
Bila kita buat janji,  
sebaik mungkin kita  
tunaikan walaupun  
berdepan pelbagai  
kekangan kerana  
kita mempunyai  
keupayaan itu”*

**Najib Razak,**  
Perdana Menteri

lancarkan di Sarawak menjelang pertengahan tahun ini, sekali gus melengkapkan keseluruhannya 12 pakej bernilai RM16 bilion. Kita tetap meneruskan projek ini, walaupun dalam keadaan ekonomi negara tidak begitu baik kerana projek ini cukup besar maknanya kepada Sarawak, begitu juga Sabah.

“Ia juga bukan hanya menguntungkan syarikat besar, malah turut mewujudkan peluang pendapatan kepada kontraktor kecil, khususnya milik Bumiputera Sarawak. Contohnya, pakej hari ini bernilai RM1.7 bilion, dengan RM533 juta diperuntukkan kepada

kontraktor kecil Bumiputera Sarawak,” katanya.

## Serah surat tawaran

Pada majlis yang sama, Najib turut menyerahkan surat tawaran membabitkan kerja pembinaan fasa keempat lebuhraya itu kepada 78 kontraktor kecil (Kelas F) Bumiputera Sarawak.

“Ini penting agar penduduk setempat dapat merasakan projek ini milik mereka dan mereka boleh berkata mereka sebahagian dari Projek Lebuhraya Pan Borneo,” katanya.

Sementara itu, Perdana Menteri berkata, konsep pelaksanaan Projek Lebuhraya Pan Borneo sama sekali berbeza dengan projek mega lain yang pernah dilaksanakan di negara ini, terutama dalam konteks kesannya kepada rakyat.

“Sebab itulah saya kata, bila saya menjanjikan pembinaan lebuhraya ini, saya tidak mahu ia menjadi seperti Empangan Bakun yang nampak besar dan talian (grid) tetapi rumah panjang berhampirannya tiada bekalan elektrik.

“Namun, itu bukan cara saya... bukan pada zaman saya pun (memimpin kerajaan) Empangan Bakun dilaksanakan, tetapi dibina pada zaman orang yang memerintah 22 tahun. Justeru, saya mahu mengelak kesilapan itu tidak berulang dengan memastikan setiap projek dibangunkan mampu memberi kesan optimum kepada segenap lapisan rakyat,” katanya.

BH-18/4/2016